



sambutan

celebration of

HARI PERANCANGAN BANDAR SEDUNIA

WORLD TOWN PLANNING DAY 2009

Latar Belakang

Hari Perancangan Bandar Sedunia

Hari Perancangan Bandar Sedunia (HPBS) adalah suatu hari khas yang disambut pada 8 November setiap tahun, bagi memperingati peranan dan sumbangan Jururancang Bandar dalam pembangunan mampan dan mewujudkan persekitaran kehidupan berkualiti. Sambutan ini telah bermula sejak 56 tahun lalu, untuk mengingati betapa pentingnya Perkhidmatan Perancangan Bandar dan Desa di dalam membina persekitaran dan kualiti hidup yang sempurna dan selesa. Kini HPBS disambut di hampir 30 buah negara di seluruh dunia, termasuk Malaysia. Sejak 1988, sambutan hari ini telah menjadi acara tahunan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Semenanjung Malaysia. Hari Perancangan Bandar Sedunia 2009 akan disambut pada 9 November 2009.

Tema

'Pembangunan Mampan – Rakyat Didahulukan'

Tema HPBS tahun ini memberi fokus kepada sumbangan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia terhadap Pembangunan Mampan yang memberi keutamaan terhadap *People Centric Planning* serta penglibatan awam didalam aspek Perancangan Bandar dan Desa.

Tema ini dipilih bertepatan dengan Konsep 1Malaysia dengan semangat "1Malaysia : Rakyat Didahulukan - Pencapaian Diutamakan" di mana setiap rakyat Malaysia yang berkelayakan memerlukan pertolongan akan dibantu dan tiada sesiapa pun dicitirkan. Prinsip utama yang mendasari 1Malaysia ialah "Keberkesanan (*Togetherness*) dan Kekitaan (*Sense of Belonging*)" dalam satu keluarga besar iaitu 1Malaysia.

Pada tahun ini, sambutan HPBS 2009 digabungkan dengan pelancaran HHS 2009 yang dirasmikan oleh Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Kenapa *People Centric*?

JPBD sebagai peneraju dalam perancangan pembangunan memainkan peranan dalam memberi input kepada pencapaian gagasan "1Malaysia : Rakyat Didahulukan - Pencapaian Diutamakan".

People – Centric bermaksud tumpuan/fokus kepada rakyat. Pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh JPBD yang menghubungkan tugas-tugas utama seperti penyediaan rancangan pembangunan (RS, RT dan RKK) dengan mengutamakan penglibatan/penyertaan awam sebelum cadangan dilaksanakan. Ini termaktub dalam Akta 172 (Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976). Kaedah *Focus Group Discussion* (FGD) antara mekanisma yang digunakan untuk meningkatkan penyertaan awam. Digabungkan dengan Penilaian Kesan Sosial (SIA), membuktikan mekanisma perancangan memberi fokus kepada penglibatan pihak awam dari perancangan awal lagi.

Penglibatan rakyat/awam dalam proses perancangan dan pembangunan yang mampan dan berkualiti adalah penting kerana segala perancangan yang disediakan dan dilaksanakan haruslah yang dapat diterima oleh rakyat.

Tarikh & Tempat Seminar

9 November 2009, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC),

Kuala Lumpur

Peserta

Penyertaan daripada kumpulan berikut amat dialu-alukan :

- Jururancang Bandar dari Pihak Persekutuan, Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan serta swasta
- Ahli profesional lain bidang perancangan, pembangunan dan pengurusan bandar termasuk bidang ekonomi, sosiologi dan alam sekitar
- Ahli akademik yang berkaitan dengan perancangan bandar

Pengiktirafan

Pembangunan Profesional Berterusan

Pertubuhan Perancang Malaysia mengiktirafkan Seminar ini sebagai salah satu aktiviti Pembangunan Profesional Berterusan (CPD) dan bersetuju memberi markah kredit sebanyak 3 kepada ahli-ahli pertubuhan yang menghadiri seminar ini.

Aturcara Sambutan HPBS dan HHS 2009

9 November 2009

- | | | | | | |
|---------------------|---|--|---------------------|---|---|
| 8.00 am – 9.00 am | : | Pendaftaran Peserta | 11.00 am – 11.30 am | : | Kertas Kerja 1 : <i>People Centric</i> dari Perspektif Pentadbir Awam oleh Y. Bhg. Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz b. Mohd Yusof - Pengerusi, Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) |
| 9.00 am – 9.10 am | : | Ketibaan Tetamu Kehormat - Y.B Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan | 11.30 am – 12.00 am | : | Kertas Kerja 2 : <i>People Centric Planning and Public Involvement – UNDP Perspective</i> - Wakil UNDP, Malaysia. |
| | : | Bacaan Doa | 12.00 am – 12.45 pm | : | Sesi Soal Jawab |
| 9.10 am – 9.20 am | : | Ucapan Aluan Oleh Y. Bhg. Dato' Mohd Fadzil b. Hj. Mohd Khir, Ketua Pengarah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (JPBD) Semenanjung Malaysia | 12.45 pm – 2.30 pm | : | Makan Tengahari |
| 9.20 am – 9.30 am | : | Ucapan Oleh Y. Bhg. Dato' Ahmad b. Kabit, Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sempena HHS 2009 dan HPBS 2009. | 2.30 pm – 3.00 pm | : | Kertas Kerja 3 : <i>Penglibatan Awam dari Perspektif Islam</i> - oleh Y. Bhg Professor Dato' Dr Mohd Yusof b. Hj. Othman - Pengarah, Institut Islam Hadhari, UKM. |
| 9.30 am – 9.45 am | : | Ucapan Perasmian Oleh Y. B. Dato' Seri Kong Cho Ha, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan | 3.00 pm – 3.30 pm | : | Kertas Kerja 4 : <i>Apa Kami Generasi Muda Mahu</i> , oleh Presiden Majlis Perwakilan Pelajar - Universiti Malaya. |
| | : | Pelancaran <i>My JPBD</i> | 3.30 pm – 4.00 pm | : | Kertas Kerja 5 : <i>Corporate Social Responsibilities (CSR)</i> oleh Y. Bhg. Dato' Seri Ahmad b. Zubair – President & Group Chief Executive, Sime Darby Berhad |
| | : | Pelancaran <i>Habitat Magazine</i> Edisi Khas. | 4.00 pm – 4.45 pm | : | Sesi Soal Jawab |
| | : | Penyampaian Hadiah Bagi Pertandingan Fotografi Sempena HHS 2009 | 4.45 pm – 5.15 pm | : | Upacara Penutup Sambutan HPBS 2009 oleh Ketua Pengarah, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia |
| 10.30 am – 11.00 am | : | Minum Pagi | 5.15 pm | : | Minum Petang / bersurai |

Borang Penyertaan

Sila faks dan kirim borang penyertaan yang telah dilengkapkan kepada Urusetia sebelum **20 Oktober 2009**

Nama :
No. KP :
Pekerjaan :
Agensi :
Alamat :
Tel. Pejabat :
No.H/P :
No.Faks :
Emel :

Pertanyaan Untuk Pendaftaran

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi Urusetia:
03-22646110, 03-22646114 atau 03-22646106

Pn. Haiza Wahida bt Haron haiza@townplan.gov.my
Pn. Naeimah bt Hassan naeimah@townplan.gov.my

Faks: 03-22646100

Alamat:

Urusetia Jemputan dan Pendaftaran
Hari Perancangan Bandar Sedunia dan Hari Habitat Sedunia 2009
Bahagian Perancangan Wilayah
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Semenanjung Malaysia
Tingkat 22, Wisma Tun Sambanthan, Jalan Sultan Sulaiman
50000 Kuala Lumpur

Sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi :

Cik Faridahwati Bt Mohd Salleh
Tel : +603-2699 2196 Fax : +603-2694 7824
Email : faridahwati@townplan.gov.my

Pn Noor Azuwa bt Kushairi
Tel : +603-2699 2180 Fax : +603-2694 7824
Email : azuwa@townplan.gov.my